

PM temui empat pemimpin

Daripada HANIFF HADI

deku hi pr

BANGSA-BANGSA BERSATU, (New York), Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan mengadakan perbincangan dengan empat pemimpin sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau akan menemui Presiden Roh Tae Woo dari Korea Selatan, Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez, Setiausaha Agung PBB, Javier Perez de Cuellar dan Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-

bangsa Bersatu ke-46, Samir S Shihabi.

Selain itu beliau juga akan mengadakan wawancara dengan beberapa pengarang kanan akhbar dan majalah antarabangsa serta berbincang dengan Dr Henry Kissinger.

Datuk Seri Dr Mahathir akan menemui pemimpin Korea itu dalam majlis makan tengah hari di Hotel Plaza selepas berucap pada 24 September ini di PBB.

Ketika ditemui sebaik sahaja tiba dari Mexico, Perdana Menteri berkata beliau akan

menekankan soal hak demokrasi dan kebebasan negara-negara kecil untuk menentukan nasib mereka di sidang PBB itu.

Perdana Menteri adalah pemimpin kelima yang akan berucap di perhimpunan itu dan soal demokrasi dan kebebasan negara kecil akan menjadi intipati ucapannya.

Empat tokoh lain yang berucap sebelum Datuk Seri Dr Mahathir ialah ketua-ketua negara Swaziland, Kepulauan Marshall, Menteri Luar Portugal dan Menteri Luar Jepun.